



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (6)
Tarikh : 14 Februari 2020

SIARAN MEDIA

KPKT BANTU RANGSANG PEMBANGUNAN KELANTAN

PASIR PUTEH, KELANTAN, 14 Februari 2020 – YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan majlis perasmian Pasar Awam Siti Sarah atau lebih dikenali sebagai Pasar Awam Selising. Pasar ini yang dibina di bawah peruntukan RMK-11 telah menelan perbelanjaan sebanyak RM4,133,406.40. Projek ini meliputi pembinaan satu blok pasar 1 tingkat, satu blok surau, satu blok tandas dan dilengkapi dengan pondok pengawal dan rumah sampah.

Projek ini yang telah bermula pada tahun 2017 telah siap sepenuhnya pada 25 September 2019 dan tempoh pelaksanaan projek ini telah mengambil masa selama 19 bulan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 193 projek di bawah peruntukan Jabatan Kerajaan Tempatan telah dilaksanakan di Kelantan dengan peruntukan sebanyak RM 7,688,235.85.

Dalam sektor perumahan, KPKT telah menyiapkan empat projek PPR dengan bilangan unit sebanyak 2,568. Tiga projek lagi sedang dalam pembinaan (850 unit) dan dua projek dalam perancangan (550 unit). Ini bermakna KPKT telah dan akan menyediakan sejumlah 3,968 unit rumah melalui 9 buah projek PPR diseluruh jajahan Kelantan. Selain itu juga, KPKT telah menyiapkan sejumlah 291 unit rumah PPAM. Sebanyak 816 unit rumah PPAM sedang dibina dan 140 unit masih dalam peringkat perancangan. Jumlah keseluruhan rumah PPAM yang telah, sedang dan akan dibina di jajahan Kelantan ialah 1,247 unit melalui 20 buah projek.

Bagi tahun 2019 juga, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menyiapkan projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Dabong dan balai ini telah mula beroperasi pada 18 Julai 2019. Dua lagi projek bomba akan dilaksanakan di Kelantan pada tahun 2020 iaitu projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Kemahang yang sedang dalam proses penilaian sebut harga dan projek pembinaan Bengkel Kejuruteraan JBPM Negeri Kelantan yang sedang dalam penilaian pihak JKR.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my